

14/12/1999

Exco Perak tepati kehendak rakyat, kerajaan

Dzulkfley Zanudin

PORTFOLIO barisan 10 ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Perak yang diumumkan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Sabtu lalu jelas pemilihan bijak mengikut pengalaman dan jawatan masing-masing dalam parti.

Boleh dikatakan tidak banyak perubahan portfolio, tetapi diubah suai atau diperkenalkan semula untuk memantapkan pentadbiran kerajaan negeri, terutama memberikan perkhidmatan berkesan kepada rakyat.

Tajol Rosli yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta anak bekas Menteri Besar mempengerusikan sendiri Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan Ekonomi, Kewangan, Penswastaan, Keselamatan, Perumahan dan Pembangunan Tanah.

Seorang daripada tiga muka baru, iaitu Ketua Pemuda Umno Perak yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lubuk Merbau, Jamal Nasir Rasdi dilantik Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia, Belia dan Sukan.

Ketua Wanita Umno negeri yang juga Adun Kampung Gajah, Ainon Khariyah Mohd Abas pula mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan Masyarakat. Pembangunan masyarakat turut mengambil kira soal wanita yang menjadi tonggak institusi kekeluargaan dan masyarakat.

Jawatankuasa Hal Ehwal Kampung Baru bawah bidang tugas Menteri Besar pula akan dilaksanakan oleh Adun Pokok Assam, Ho Cheng Wang yang juga Ketua Pemuda MCA negeri. Ho turut mempengerusikan Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Exco lain ialah Datuk Ramly Zahari (Pembangunan Industri, Pembangunan Usahawan dan Penerangan); Datuk Ong Ka Chuan (Infrastruktur dan Kemudahan Awam); Datuk Mazidah Zakaria (Kebudayaan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita); Datuk Dr Abdul Malek Md. Hanafiah (Agama Islam dan Pendidikan); Datuk Chang Ko Youn (Perbandaran dan Kerajaan Tempatan); Datuk G Rajoo (Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna) dan Datuk Azman Mahalan (Pertanian).

Penyenaraian portfolio dilakukan selepas berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abd Majid Hussein dan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri.

Semua Exco terbabit, termasuk ketiga-tiga muka baru mengangkat sumpah di hadapan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, 8 Disember lalu.

Mereka yang tidak dilantik semula ialah Datuk Seri Junus Wahid yang dijangka memegang jawatan Speaker bagi menggantikan Datuk Mohamed Nazri Abdul Rahim, Datuk Lee Chee Leong dan Datuk Mohamad Zaim Abu Hassan yang gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Belanja.

Nama Speaker dan Timbalan Speaker akan diumumkan sebelum 20 Disember ini selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta perkenan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah.

Speaker dan Timbalan Speaker dijangka mengangkat sumpah pada 20 Disember ini sebelum Sidang DUN selama tiga hari mulai 28 Disember ini, termasuk pembentangan semula dan perbahasan Belanjawan Negeri 2000.

Tajol Rosli berkata, pemberian tugas dan pemilihan portfolio berdasarkan jawatan politik dan kesesuaian latar belakang setiap calon terbabit untuk memastikan keberkesanan khidmat masing-masing.

Misalnya, agama Islam diletakkan dalam portfolio pendidikan berikutan kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk meningkatkan pendidikan Islam, termasuk program berkembar dengan institusi pengajian tinggi Islam luar negara dengan mengambil contoh negara Islam lain.

Mengenai pembahagian bidang tugas dua Exco wanita, katanya, soal badan

bukan kerajaan (NGO) wanita dikendalikan oleh Mazidah, manakala isu berkaitan masyarakat yang meliputi masalah wanita seperti ibu tunggal di bawah bidang tugas Ainon Khariyah.

Tumpuan khas kepada soal wanita disebabkan mereka membentuk sebahagian besar penduduk dan pengundi di Perak, selain kepentingan golongan itu sebagai pembimbing keluarga dan anak-anak, sekali gus dapat mengurangkan masalah sosial di kalangan generasi muda.

Dalam pada itu, pengekalan semula Mazidah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita tepat dan wajar, terutama ketika Perak sibuk menjalankan kempen Tahun Melawat Perak, tahun depan.

Ini berdasarkan pengalaman luasnya dalam majlis mesyuarat kerajaan negeri sejak 1990, termasuk pernah memegang portfolio Pelajaran dan Kemajuan Masyarakat serta Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga (1995).

Setiap Exco perlu melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi dengan ikhlas, dedikasi dan cekap dalam usaha mengembalikan kepercayaan dan sokongan rakyat kepada kerajaan negeri di bawah teraju Tajol Rosli.

Ini bererti mereka perlu mesra rakyat dan media massa selain bergerak cergas sejak mula diberi tanggungjawab masing-masing untuk memastikan segala harapan dan kepercayaan Menteri Besar kepada mereka dalam 'Kabinet negeri' menepati kehendak kerajaan dan rakyat.

(END)